



# Transformasi kawasan perindustrian

**KULAI** - Kerajaan negeri bakal melaksanakan usaha transformasi bagi menambah baik infrastruktur dan mewujudkan kawasan perindustrian yang lebih terancang di Johor bermula awal tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong berkata, pihaknya sedang meneliti beberapa lokasi bagi memulakan usaha itu antaranya Pasir Gudang, Johor Bahru dan Kulai.

“Pusat Pelaburan Negeri Johor (JISC) sedang mengadakan perbincangan bersama beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menentukan kawasan dan mekanisme yang akan di-

gunakan bagi mencapai transformasi ini.

“Beberapa lokasi sedang diteliti bagi menjalankan projek perintis termasuk di kawasan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT),” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas mengadakan Lawatan Kerja Industri di Taman Perindustrian i-Park@Indahpura di sini, semalam.

Siew Kiong berkata, usaha itu memberi tumpuan aspek pembangunan infrastruktur serta nilai tambah di kawasan industri termasuk pengindahan landskap dan penggunaan teknologi terkini bagi menambah

baik sistem pengurusan.

“Kita mahu pastikan infrastruktur dan kemudahan di kawasan industri berada pada tahap memuaskan termasuk jalan raya, lampu jalan, keselamatan serta aspek pengurusan sisa pepejal.

“Kita juga mahu taman perindustrian di Johor menjadi contoh baik kepada negeri-negeri lain di samping dapat meningkatkan keyakinan pelabur,” katanya.

Dalam pada itu, Siew Kiong turut menyambut baik usaha i-Park@Indahpura yang menyediakan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan memuaskan di kawasan mereka sekali gus menarik berjaya minat pelabur antarabangsa.



Siew Kiong (kanan) bersama Yang Dipertua MPKu, Abdul Rahman Salleh (dua, kanan) mendengar taklimat pembangunan yang sedang dijalankan di i-Park@Indahpura.